



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

SELASA, 19 SEPTEMBER 2023

LAPORAN HARIAN





JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t @ kpwkm

19/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	KPWKM SUDAH KENDALI 2,959 KES PENDERAAN, PENGABAIAAN KANAK-KANAK	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1010929/kpwkm-sudah-kendali-2959-kes-penderaan-pengabaian-kanak-kanak	HMETRO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/1154154/kpwkm-kendali-2959-kes-penderaan-pengabaian-kanak-kanak-setakat-mei	BHARIAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/279590/berita/nasional/kpwkm-kendali-2959-kes-dera-abai-kanak-kanak	SINARHARIAN.COM.MY
	https://selangorjournal.my/2023/09/kpwkm-handles-nearly-3000-cases-of-abuse-child-neglect-from-january-to-may-2023/	SELANGORJOPURNAL.MY
	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2226607	BERNAMA.COM
	https://www.sinardaily.my/article/208233/malaysia/national/women-family-and-community-development-ministry-handles-2959-cases-of-abuse-and-child-neglect-from-jan-to-may-2023	SINARDAILY.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	JKM HANDLED 2,959 ABUSE, NEGLECT CASES FROM JAN-MAY THIS YEAR	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/09/18/jkm-handled-2959-abuse-neglect-cases-from-jan-may-this-year	THESTAR.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/09/18/2959-kes-penderaan-pengabaian-kanak-kanak-sehingga-mei/	KOSMO.COM.MY
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/09/18/3000-child-abuse-cases-in-first-5-months-of-2023/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/2959-kes-dera-kanak-kanak-dalam-lima-bulan/	UTUSAN.COM.MY
	https://selangorkini.my/2023/09/2959-kes-dera-abai-kanak-kanak-setakat-mei-647-di-selangor/	SELANGORKINI.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

19/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
3	KEMENTERIAN RANCANG TAMBAH HUKUMAN GANGGUAN SEKSUAL KANAK-KANAK	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/09/18/kementerian-rancang-tambah-hukuman-gangguan-seksual-kanak-kanak-kata-menteri/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.nst.com.my/news/nation/2023/09/956643/child-act-be-reviewed-include-provisions-against-sexual-abuse-says	NST.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1010919/kpwkm-sentiasa-pantau-kegiatan-salah-laku-terhadap-kanak-kanak	HMETRO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/1154102/hukuman-gangguan-seksual-terhadap-kanak-kanak-disemak-semula-nancy	BHARIAN.COM.MY
	https://www.buletintv3.my/nasional/hukuman-terlalu-ringan-kpwkm-semak-semula-akta-kanak-kanak-20011/	BULETINTV3.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=pSW2zMY-9IA	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=JMaVnL1vbbs	YOUTUBE
	https://media-perpaduan.com/2023/09/18/hukuman-gangguan-seksual-kanak-kanak-terlalu-ringan-nancy/	MEDIA-PERPADUAN.COM
	https://www.thestartv.com/v/child-act-2001-being-reviewed-says-nancy?rc=59b24d51b7aca	THESTARTV.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
4	310 KES DERA DI TASKA DILAPORKAN TAHUN LALU	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/1154368/310-kes-dera-di-taska-dilaporkan-tahun-lalu	BHARIAN.COM.MY
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/09/18/310-kes-dera-di-taska-tahun-lalu-kata-nancy/	FREEMALAYSIATODAY.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

19/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
5	KPWKM PERTIMBANGAN BANTUAN BULANAN RM500 KEPADA KAK ETON	
	https://www.bharian.com.my/hiburan/selebri/2023/09/1154370/kpwkm-pertimbangan-bantuan-bulanan-rm500-kepada-kak-eton	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	KPWKM AKAN CADANG WFH DUA KALI SEMINGGU, GALAK WANITA KEMBALI BEKERJA	
	https://www.astroawani.com/videos/politik-x7sio1/kpwkm-akan-cadang-wfh-dua-kali-seminggu-galak-wanita-kembali-bekerja-x8o5hgl	ASTROAWANI.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=dM-Dd346d3w	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
7	LEBIH 2,000 INDIVIDU DIBANTU YURAN BULANAN TADIKA, BAKI PERMOHONAN SEDANG DIPROSES	
	https://selangorkini.my/2023/09/lebih-2000-individu-dibantu-yuran-bulanan-tadika-baki-permohonan-sedang-diproses/	SELANGORKINI.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	WANITA DIKECAM CURI KASUT CONVERSE DI GPO	
	https://www.kosmo.com.my/2023/09/18/wanita-dikecam-curi-kasut-converse-di-gpo/	KOSMO.COM.MY



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

19/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
9	JABATAN PEMBANGUNAN KANAK-KANAK DITUBUHKAN BERKUAT KUASA 1 SEPT - NANCY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jabatan-pembangunan-kanakkanak-ditubuhkan-berkuat-kuasa-1-sept-nancy-437861	ASTROAWANI.COM
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/09/18/nancy-shukri-childrens-development-department-established-to-address-child-neglect-abuse-issues/91474	MALAYMAIL.COM
	https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/nasional/71145-jabatan-pembangunan-kanak-kanak-diluluskan-berkuat-kuasa-1-sept	BERITA.RTM.GOV.MY
	https://www.thesundaily.my/local/children-development-dept-replaces-children-s-division-under-jkm-FF11504661	THESUNDAILY.MY
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/09/18/new-department-will-enhance-child-protection-under-child-act-says-nancy-shukri	THESTAR.COM.MY
	https://themerdekentimes.com/news/2023/09/jabatan-pembangunan-kanak-kanak-diluluskan-berkuat-kuasa-1-sept/	THEMERDEKATIMES.COM
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/jabatan-pembangunan-kanak-kanak-selesai-isu-pengabaian-penderaan/	UTUSAN.COM.MY
	https://suarasarawak.my/jabatan-pembangunan-kanak-kanak-ditubuh-tangani-kes-dera-abai-kanak-kanak/	SUARASARAWAK.MY
	https://www.themalaysianinsight.com/s/462650	THEMALASIANSIGHT.COM
	https://www.newsarawaktribune.com.my/abused-children-now-have-an-effective-platform-to-turn-to/	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY
	https://ismaweb.net/2023/09/18/jabatan-pembangunan-kanak-kanak-solusi-terbaik-tangani-isu-dera-pengabaian/	ISMAWEB.NET
	https://tvstv.my/2023/09/18/jabatan-pembangunan-kanak-kanak-ditubuhkan-berkuat-kuasa-1-september/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=jabatan-pembangunan-kanak-kanak-ditubuhkan-berkuat-kuasa-1-september	TVSTV.MY



UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

19/9/2023

<https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/jabatan-pembangunan-kanakkanak-solusi-terbaik-x8o5hsc>

ASTROAWANI.COM

<https://www.sinarharian.com.my/article/279585/berita/nasional/jabatan-pembangunan-kanak-kanak-ditubuhkan-kuat-kuasa-1-september>

SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	GOLONGAN WANITA MENGHAMPIRI FASA MENOPAUS WAJAR BUAT SARINGAN, ELAK RISIKO SERANGAN JANTUNG	
	https://www.astroawani.com/gaya-hidup/golongan-wanita-menghampiri-fasa-menopaus-wajar-buat-saringan-elak-risiko-serangan-jantung-437846	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
11	52 KAKITANGAN WANITA UTHM TAWAN GUNUNG KINABALU	
	https://malaysiagazette.com/2023/09/18/52-kakitangan-wanita-uthm-tawan-gunung-kinabalu/	MALAYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
12	BERI SOKONGAN WANITA HIDAP PCOS	
	https://www.bharian.com.my/hujung-minggu/sihat/2023/09/1154172/beri-sokongan-wanita-hidap-pcos	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
13	ANCAMAN PEDOFILIA	
	https://www.hmetro.com.my/utama/2023/09/1010899/ancaman-pedofilia	HMETRO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

19/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
14	[INFOGRAFIK] PENDERAAN KANAK-KANAK	
	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/infografik-penderaan-kanakkanak-x8o5hsa	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
15	[PENUH] PERASMIAN PROGRAM ADVOKASI PERLINDUNGAN KANAK-KANAK 18 SEPTEMBER 2023	
	https://www.youtube.com/watch?v=GCIMO6-kOTM	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
16	LEWAT DAPAT RAWATAN HIV, KANAK-KANAK TANPA KERAKYATAN MAUT	
	https://www.malaysiakini.com/news/679577	MALAYSIAKINI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
17	BABY NAAIL, ATHIF SEMAKIN PULIH, KINI QAISAR PULA PERLU BANTUAN	
	https://www.sinarharian.com.my/article/279688/edisi/selangor-kl/baby-naail-athif-semakin-pulih-kini-qaisar-pula-perlu-bantuan	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
18	KPM HASRAT WUJUDKAN PROGRAM PENDIDIKAN KHAS OKU DI SEMUA SEKOLAH	
	https://www.malaysiakini.com/news/679656	MALAYSIAKINI.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

19/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
19	LELAKI OKU RENTUNG DALAM KEBAKARAN	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1010832/lelaki-oku-rentung-dalam-kebakaran	HMETRO.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/warga-emas-oku-rentung-dalam-kebakaran-rumah/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/279545/berita/semasa/lelaki-oku-rentung-dalam-kebakaran-dua-buah-rumah	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=VaickQgSQio	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=MJ_P6zpLKZc	YOUTUBE
	https://www.buletintv3.my/nasional/lelaki-oku-rentung-dalam-kebakaran-rumah/	BULETINTV3.MY
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/09/18/oku-warga-emas-ditemukan-rentung-dalam-bilik/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lelaki-oku-rentung-dalam-kebakaran-dua-buah-rumah-437835	ASTROAWANI.COM
	https://www.kosmo.com.my/2023/09/18/lelaki-oku-rentung-dalam-kebakaran/	KOSMO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/09/1154006/warga-emas-oku-rentung-dalam-kebakaran-dua-rumah	BHARIAN.COM.MY
	https://www.thesundaily.my/cerita/berita/lelaki-oku-rentung-dalam-kebakaran-GF11503948	THESUNDAILY.MY
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2226512	BERNAMA.COM
	https://malaysiagazette.com/2023/09/18/lelaki-oku-rentung-dalam-kebakaran-babitkan-dua-rumah/	MALAYSIAGAZETTE.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my
[f](#)
[t](#)
[@](#)
 kpwkm

19/9/2023

<https://tvstv.my/2023/09/18/lelaki-oku-rentung-dalam-kebakaran-dua-rumah/>

TVSTV.MY

<https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/71144-warga-emas-oku-rentung-dalam-kebakaran-di-ayer-hitam>

BERITA.RTM.GOV.MY

<https://suarasarawak.my/lelaki-oku-rentung-dalam-kebakaran-terperangkap-di-bilik/>

SUARASARAWAK.MY

<https://selangorkini.my/2023/09/lelaki-oku-rentung-dalam-kebakaran-rumah/>

SELANGORKINI.MY

BIL

PERKARA

SUMBER

 20 PERHIMPUNAN: POLIS SEDANG TELITI RAKAMAN, AKAN PANGGIL
INDIVIDU BAWA KANAK-KANAK - ALLAUDEEN

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/perhimpunan-polis-sedang-teliti-rakaman-akan-panggil-individu-bawa-kanakkanak-allaudeen-437942>

ASTROAWANI.COM

<https://www.youtube.com/watch?v=6Wj4J3e4uUY>

YOUTUBE



TAJUK : EBIT LEW BUAT LAPORAN POLIS SUSULAN FITNAH MELAMPAU

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 19 SEPT 2023

M/SURAT : 18

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Ebit Lew buat laporan polis susulan fitnah melampau

Tindakan dipercayai berkaitan video tular wanita dakwa jadi mangsa gangguan seksual

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pendakwah bebas, Ebit Lew tampil membuat laporan polis terhadap dakwaan berlaku fitnah melampau dilemparkan kepadanya.

Laporan polis itu dipercayai dibuat awal pagi semalam di sebuah balai polis di Subang Jaya.

Ebit Lew menerusi hantaran di Instagramnya memaklumkan, laporan polis itu dibuat sebaik beliau tiba dari Jeddah, kira-kira

jam 12 tengah malam kelmarin.

“Bismillah. Baru sampai dari Jeddah (jam) 12 malam tadi terus ke balai polis buat laporan mengenai fitnah melampau yang langsung tidak berasas ke atas saya.

“Saya serahkan pihak polis untuk mengambil tindakan. Saya juga telah menyerahkan kepada pihak peguam saya untuk tindakan selanjutnya.” katanya dalam kapsyen di hantaran itu.


Kapsyen itu dimuat naik bersama sekeping gambar beliau memegang salinan laporan polis di hadapan pintu Balai Polis USJ 8.

Laporan polis itu dipercayai dilakukan selepas tular di media sosial satu rakaman wawancara bersama seorang wanita dari negara jiran yang pernah mendapat pertolongannya.

Wanita itu mendakwa menjadi mangsa gangguan seksual seorang pendakwah bebas terkenal dari Malaysia ketika kali pertama tiba di Malaysia tahun ini.



Ebit Lew menunjukkan salinan laporan polis di Subang Jaya.
(Foto Instagram Ebit Lew)



TAJUK : KENDERAAM TERBALIK DALAM HUTAN TAK LUNTUR SEMANGAT CIKGU AS

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 19 SEPT 2023

M/SURAT : 23

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Kenderaan terbalik dalam hutan tak luntur semangat Cikgu As

Gua Musang: Pernah beberapa kali kenderaan pacuan empat roda (4X4) dinaiki terbalik ketika melalui jalan berlurah dan berlumpur, selain bermalam di dalam hutan, namun tidak mematahkan semangat seorang guru wanita terus menabur bakti mengajar anak Orang Asli demi memastikan mereka mendapat pendidikan sempurna.

Asmawati Ahmad, 43, guru yang mengajar di Sekolah Kebangsaan (SK) Balar, di Pos Balar, berkata tiga kali beliau melalui kejadian kenderaan 4X4 dinaiki terbalik akibat becak dan berlumpur ketika musim hujan.

Asmawati mesra dipanggil Cikgu As, mengajar bahasa Inggeris di SK Balar itu sudah menjadi pilihannya, yang turut ditemani suaminya, bertugas sebagai penolong kanan hal ehwal murid di sekolah sama, Md Faizul Abdullah @ Yunus, 46, untuk mencari pengalaman baharu bertugas di pedalaman.

"Kami juga pernah melihat harimau berkeliaran di luar pagar kuarters guru di sekolah itu.

"Pada Januari lalu, saya sangat terkejut tambahan pula bila melihat haiwan liar itu cuba melompat pagar masuk ke kawasan kuarters guru, tapi gagal.

"Saya berasal dari Kedah, manakala suami dari Kelantan berisikan anak Orang Asli suku Temiar yang berusia antara tujuh hingga 13 tahun ini perlu dibantu dari segi pendidikan," katanya.

Mengimbas kembali kejadian pertama berlaku 2018 ketika bersama suami masuk ke penempatan Orang Asli itu untuk mengajar.

Kedua-duanya terpaksa ber-

malam di dalam hutan apabila pacuan empat roda dinaiki tersandar di tebing jalan ketika melalui jalan berlurah.

"Masa itu kami terpaksa keluar melalui pintu sebelah kerana kenderaan sudah tersandar di tebing apabila hilang kawalan.

"Kejadian berlaku pada hari pertama kami dalam perjalanan mengajar di sini. Tragedi kedua, apabila pacuan empat roda dinaiki terbalik ketika saya bersama suami pulang dari menghadiri taklimat, manakala kejadian berlaku tiga minggu lalu, ketika dalam perjalanan pulang bercuti sebaik sahaja habis sesi mengajar di sekolah.

"Alhamdulillah, kami tidak mengalami kecederaan dan semua selamat," katanya.

Cikgu As berkata, selepas beberapa tahun bersama anak Orang Asli, rasa kasih timbul dan selesa dengan mereka.

"Di sekolah ini ada 180 murid, ada dua guru wanita termasuk seorang Orang Asli.

"Cuti hujung minggu, Jumaat dan Sabtu saya banyak menghabiskan masa beramah mesra, berbual dan bercerita dengan kawan dan komuniti di situ.


"Saya hanya akan keluar apabila ada keperluan dan ketika cuti panjang untuk bertemu dua anak berusia 13 dan 20 tahun, yang sulung masih dalam latihan dan bongsu tinggal di asrama.

"Insya-Allah amanah dan tanggungjawab ini saya laksanakan dengan ikhlas demi masa depan anak Orang Asli. Kalau ikutkan rasa takut, namun apa pun cabaran saya akan tetapi hadapi," katanya.

Beliau pernah mengajar di SK Padang Serai, Kedah, sebelum membuat pilihan berpindah ke SK Balar.



Cikgu Asmawati meluangkan masa bersama murid Orang Asli yang tinggal di asrama SK Balar pada cuti hujung minggu. (Foto Faya Linda Yahya/BH)



TAJUK : KPWKM KENDALI 2,959 KES DERA, ABAI BUDAK SETAKAT MEI 2023

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 19 SEPT 2023

M/SURAT : 05

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

KPWKM kendali 2,959 kes dera, abai budak setakat Mei 2023

Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengendalikan 2,959 kes penderaan berbentuk fizikal, seksual, emosi dan pengabaian kanak-kanak, dari Januari hingga Mei tahun ini.

KPWKM dalam kenyataan berkata, daripada jumlah itu, 647 kes berlaku di Selangor, diikuti Sabah sebanyak 333 kes dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (326 kes).

KPWKM menubuhkan 140 Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak (PPKK), 133 Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak (PKKK) dan 142 Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) sebagai mata dan telinga Kementerian itu sekali gus mewujudkan program advokasi kepada masyarakat setempat.

"Kerjasama strategik dengan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Kementerian Pendidikan (KPM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) turut diadakan sebagai sinergi antara Kementerian dalam meneruskan program advokasi kepada masyarakat agar lebih cakna dalam isu ini," katanya.

KPWKM juga menyediakan Talian Kasih iaitu talian prihatin masyarakat sebagai akses kepada orang awam dan berfungsi sebagai *single point of contact* kepada masyarakat dalam usaha mewujudkan persekitaran selamat kepada kanak-kanak.

"Sebarang bentuk pengabaian dan penderaan kanak-kanak bolehlah dilaporkan di Talian Kasih 15999 atau WhatsApp 0192615999 atau kunjungi mana-mana Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah yang berhampiran atau menghubungi mana-mana balai polis yang berdekatan," katanya.

Berhubung Program Advokasi Kanak-Kanak: Kasih Kanak-Kanak yang dirasmikan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri hari ini, kenyataan itu menyebut program itu ialah inisiatif menjaga kebajikan, keselamatan dan kesejahteraan golongan kanak-kanak di negara ini.

"Program Advokasi hari ini menjadi platform kepada masyarakat setempat khususnya guru-guru, Persatuan Ibu Bapa dan Guru serta komuniti setempat berperanan dalam membantu KPWKM mencegah berlakunya peningkatan kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak," menurut kenyataan itu.

BERNAMA



TAJUK : MAKAN MALAM TERAKHIR 3 BEANAK

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 19 SEPT 2023

M/SURAT : 20

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Makan malam terakhir 3 beranak

Sekeluarga rentung dalam kebakaran babit lapan unit rumah kedai

Oleh Zuliaty Zulkiffli
bhnews@bh.com.my

Sungai Petani: Tiga beranak yang rentung dalam kebakaran di Kota Kuala Muda sempat makan malam bersama keluarga di Bertam, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang, kelmarin.

Menurut Linda Yee, 48, yang juga sepupu kepada mangsa, Lee Chew Fong, 61, yang maut berката, mereka kelihatan sangat seronok ketika itu tetapi tidak sangka itu makan malam terakhir mereka sekeluarga.

Chew Fong, 61, yang maut dalam kebakaran membabitkan lapan unit rumah kedai di Jalan Sungai Emas, Kota Kuala Muda, di sini.

Turut maut dalam kejadian

jam 1 pagi semalam, suami Chew Fong, Lim Yang Kooi, 66, dan ibu wanita itu, Yong Swee Lan, 92, yang ditemui dalam sebuah daripada lapan unit rumah berkenaan.

Menurut Linda, mereka bertiga tinggal di Bertam selepas membeli rumah sejak setahun lalu dan hanya pulang ke rumah kedai itu pada setiap Isnin untuk berniaga pasar pagi di hadapan rumah kedai itu.

Ibu saudara uzur, bertongkat

Katanya, ibu saudaranya pula sudah uzur dan bergerak dengan bantuan tongkat, manakala sepupu dan suaminya itu masih sihat serta rajin bekerja.

"Mereka berniaga pakaian dan generasi ketiga berniaga di rumah kedai berkenaan. Mereka tidur di situ kerana ada pasar pagi dan kereta susah nak masuk kerana ibu saudara saya tak larat berjalan," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kedah, Penolong Kanan Pesuruhjaya Bomba Awang Hidzel Awang Bujang, berkata pihaknya menerima panggilan berhubung kebakaran itu



Anggota bomba dan penyelamat mengangkat mayat mangsa kebakaran di Jalan Sungai Emas, Kota Kuala Muda, kelmarin.
(Foto Zuliaty Zulkiffli/BH)

pada jam 1.12 pagi.

"Sepasukan anggota masing-masing dari Balai Bomba dan Penyelamat Tikam Batu dan Kota Kuala Muda tiba di lokasi tidak lama kemudian," katanya.

Pemilik kedai, Azizah Jaafar, 70, berkata, beliau terkejut apabila dimaklumkan oleh anaknya rumah kedai milik mereka itu musnah dalam kebakaran.

Katanya, kedai itu dibeli oleh

arwah suaminya kira-kira 20 tahun lalu.

"Setiap bulan, usahawan perabot itu membayar RM400 kepada saya tetapi kini hilang semuanya," katanya.



TAJUK : PENUBUHAN JABATAN KHAS KAEDAH TERBAIK TANGANI DERA KANAK-KANAK

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 19 SEPT 2023

M/SURAT : 06

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Penubuhan jabatan khas kaedah terbaik tangani dera kanak-kanak

Kuala Lumpur: Penubuhan Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak yang berkuatkuasa pada 1 September lalu, adalah penyelesaian terbaik dalam menangani segera isu pengabaian dan penderaan kanak-kanak yang semakin meruncing.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata penubuhan jabatan berkenaan adalah bagi menggantikan Bahagian Kanak-Kanak di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Jabatan berkenaan diyakini berupaya memberikan perkhidmatan berkualiti kepada rakyat khususnya kanak-kanak berlandaskan kepada lima teras utama, iaitu pencegahan, pembangunan, perlindungan, pemulihan dan pengintegrasian ke dalam masyarakat.

"Jabatan ini juga sudah diluluskan pelantikan sebanyak 109 perjawatan kontrak daripada pelbagai skim perkhidmatan dan gred bagi tahun 2023.


"Ia bagi memperkukuhkan struktur pada peringkat ibu pejabat dan seterusnya di daerah serta jajahan," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, perkara itu bagi memastikan kecekapan dan perkhidmatan yang efektif serta profesional dapat diberikan demi kesejahteraan kanak-kanak di negara ini.

"Menerusi jabatan berkenaan, usaha menggerakkan komuniti yang ditubuhkan mengikut Akta Kanak-Kanak 2001 iaitu Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak dan Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak serta pembantu perlindungan akan ditingkatkan di semua 105 daerah.

"Perkara itu selaras dengan tonggak Malaysia MADANI yang menyasarkan kesejahteraan masyarakat termasuk menjaga keselamatan dan memberi perlindungan kepada kanak-kanak adalah menjadi tanggungjawab bersama seluruh rakyat Malaysia," katanya.

KPWKM juga menggesa masyarakat untuk terus cerna dalam melindungi kanak-kanak dan laporkan sebarang kes penderaan atau pengabaian kanak-kanak di Talian Kasih 15999 atau WhatsApp 019-261 5999 yang beroperasi selama 24 jam.



TAJUK : SUAMI, ISTERI GIGIH PELIHARA BUSANA TRADISIONAL SABAH

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 19 SEPT 2023

M/SURAT : 23

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



Nur Minda menunjukkan busana tradisional perkahwinan Sabah khususnya persalinan daripada suku kaum etnik Suluk dan Bajau di kedainya. (Foto Omar Ahmad/BH)

Suami, isteri gigih pelihara busana tradisional Sabah

Usaha beri peluang masyarakat Negeri Bawah Bayu di Semenanjung rai perkahwinan dengan baju adat

Oleh Omar Ahmad
bhnews@bh.com.my

Johor Bahru: Walaupun sudah berhijrah ke Semenanjung sejak lebih 20 tahun lalu, pasangan suami isteri dari Tampi-Tampi Semporna, Sabah ini tidak pernah melupakan adat asal usul tempat kelahiran mereka.

Pesara jurukimpal, Bari Dajih, 62, dan Nur Minda Munabirul, 54, berusaha mengekalkan budaya mereka dengan menjalankan perusahan menjual dan menyewa busana tradisional, persalinan perkahwinan Sabah, khususnya suku kaum etnik Suluk dan Bajau.

Kedai disewa di Pasar Muafakat Sabah di Jalan Suria, Taman Seri Alam di sini, sejak 2018 menjadi tumpuan orang Sabah untuk mendapat busana tradisional.

Antaranya baju Samrah dipa-

kai untuk majlis keramaian termasuk pertunangan, baju Sably (busana pengantin), Batawi (busana pengantin perempuan) dan Lapi (busana pengantin lelaki) yang dihiasi perhiasan berwarna emas.

"Saya sudah bermastautin di Johor kira-kira 13 tahun selepas mengikut suami bekerja. Sebelum ke Johor, saya menemani suami bekerja di Melaka selama tiga tahun, ketika dia bekerja sebagai jurukimpal.

"Selepas berpindah ke Johor, saya terus membuka kedai pakaian tradisional Sabah. Semua baju saya dapatkan terus dari Kota Kinabalu, Sandakan dan Semporna.

"Alhamdulillah baju tradisional perkahwinan mendapat 'tempat' dalam kalangan orang Sabah dan penduduk lain bandar ini," katanya ditemui di premis di Pasar Muafakat Sabah, di sini.

Didik anak kenali budaya

Nur Minda berkata, pakaian perkahwinan diperbuat daripada kain baldu dan dihiasi perhiasan berwarna emas.

Katanya, usahanya itu supaya masyarakat Sabah yang menetap di Johor Bahru dapat meraikan perkahwinan mereka dengan baju adat.

"Ya sebagai inisiatif saya dan suami memelihara adat budaya Sabah. Biasanya baju Batawi dan

Lapi dipakai pada waktu bernikah.

"Baju tradisional pengantin ini memang wajib dipakai oleh etnik Suluk dan Bajau ketika hari pernikahan, hari kedua pula mereka boleh pakai baju moden seperti gaun dan sebagainya.


"Walaupun kita duduk jauh dari negeri kelahiran, budaya itu harus dikekalkan terutama untuk mendidik anak kita mengenai keistimewaan dan keunikan yang kita miliki," katanya.

Nur Minda berkata, penerimaan masyarakat Semenanjung terutama di Johor terhadap dirinya dan rakan Borneo sangat terbuka.

Malah, katanya 70 peratus etnik Suluk dan Bajau menetap di Pasir Gudang dan dipercayai terbesar di Semenanjung.

"Kalau dulu ada juga masyarakat yang memandang rendah dan berfikir negatif terhadap kami. Tetapi, sejak saya menetap di Johor tidak pernah pula saya atau rakan lain bergaduh atau selisih faham. Sebenarnya ia adalah keperibadian individu.

"Pada 2020, suami pernah diserang strok menyebabkannya sukar bergerak dan bertutur, tetapi Alhamdulillah jiran dari pelbagai komuniti banyak bagi sokongan dan suami sudah boleh berjalan serta bercakap biarpun tidak seperti dulu," katanya yang mempunyai enam cahaya mata.



TAJUK : 'MAAF AKU TAK SEMPAT TOLONG KAU HOCK CHUAN'

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 19 SEPT 2023

M/SURAT : 09

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Georgetown: "Beberapa hari lalu, saya kata pada Hock Chuan, jika berlaku bencana seperti kebakaran saya tidak mampu selamatkan dia yang lumpuh separuh badan selepas diserang angin ahmar.

"Tidak sangka ia benar-benar berlaku apabila rumah kami terbakar dan saya hanya sempat menyelamatkan suami manakala Hock Chuan rentung."

Begitu kata Lor Phaik Tin, 72, mangsa yang terselamat dalam kebakaran dua rumah di Kampung Pisang, Ayer Itam, di sini,

'Maaf aku tak sempat tolong kau Hock Chuan'

semalam.

Dalam tragedi itu, jiran-nya, Yeoh Hock Chuan, 63, yang berstatus orang kurang upaya (OKU) ditemukan rentung.

Phaik Tin berkata, ketika kejadian, dia terjaga daripada tidur berikutan suaminya, Loh Chye Cheng, 78, yang juga OKU mahu ke bilik air, pada jam 3 pagi.

Kemudian, Phaik Tin mendengar bunyi seakan-akan percikan arus elektrik sebelum mendapati bahagian

hadapan rumah mereka dijilat api.

"Saya tidak sempat ambil dokumen penting dan terus papah suami keluar daripada rumah sebelum berlaku letupan sejurus kami melepasi pagar kediaman.

"Jiran menyangka tiada lagi mangsa terperangkap kerana tidak dengar sebarang jeritan sebelum saya beritahu bahawa Hock Chuan masih ada di dalam rumah itu," katanya.

Phaik Tin berkata, dia ke-



PHAIK Tin (kiri) bersama suaminya di depan rumah mereka yang terbakar di Kampung Pisang, Ayer Itam.

sal kerana tidak mampu menyelamatkan Hock Chuan namun menerima takdir bahawa jiran yang menyewa rumah di situ sejak lima tahun lalu itu menjadi korban kebakaran.

Katanya, dia juga gembira dapat menyelamatkan suami yang juga lumpuh sejak empat tahun lalu selepas diserang angin ahmar.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Paya Terubong, Mohd Shakir Abdullah berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan jam 3.44 pagi.



TAJUK :	'TUGAS KITA UNTUK BERI PERLINDUNGAN'		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	HARIAN METRO
TARIKH :	19 SEPT 2023	M/SURAT :	11
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Oleh Hafiz Ithnin dan Sudirman Mohd Tahir
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa memantau kegiatan dan memberi perhatian membabitkan salah laku terhadap kanak-kanak termasuk ancaman pedofilia.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, jenayah terbabit sudah termaktub dalam Akta Antigunggauan Seksual 2022 (Akta 840).

"Kita memang sudah ada undang-undang membatiknkan isu sebegini (jenayah) yang ia di bawah Akta Kanak-Kanak 2001.

"Tapi disebabkan permulaan kes sebegini daripada media sosial, jadi perlu dipatuhi dahulu undang-undang membatiknkan perkara itu.

"Kami sentiasa memantau kalau berlaku apa-apa, kami akan ambil tindakan. Kalau ia dibuktikan di bawah penderaan, gangguan seksual dan sebagainya, kami akan mengambil tindakan di bawah Akta Antigunggauan Seksual," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Program Advokasi Kanak-Kanak: Kasih Kanak-Kanak di Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Tasek di Bandar Sri Permaisuri, di sini, semalam.

Menurutnya, KPWKM



"Kita mengharapkan program yang akan menyusul nanti akan ada diterangkan mengenai tindakan atau aksi yang tidak dibenarkan atau tidak digalakkan dalam kalangan kanak-kanak atau sesiapa saja untuk melakukannya kepada kanak-kanak"

NANCY memberi ucapan ketika Program Advokasi Kanak-Kanak: Kasih Kanak-Kanak di SK Seri Tasek di Bandar Sri Permaisuri.

ANCAMAN PEDOFILIA

'Tugas kita untuk beri perlindungan'

sentiasa mengambil tindakan sewajarnya dengan memberikan perlindungan kepada mangsa jika terdapat laporan.

"Sudah tentu jika ada

mangsa pedofilia dimaklumkan kepada kita, sesiapa saja yang terbabit ini, insya-Allah, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa ada. Sebab tugas kita

untuk beri perlindungan pada kanak-kanak ini.

"Kita tak mahu ia berleluasa sebab nanti menjadi satu perkara normal dalam kalangan kanak-ka-

nak. Sudah tentu JKJ akan terus melindungi kanak-kanak," katanya.

Pada masa sama, KPWKM juga sentiasa memberikan kesedaran ke-




pada orang ramai menerusi program yang dianjurkan dan diwujudkan.

"Sebenarnya apa yang kita lancar menerusi Advokasi Kanak-Kanak: Kasih Kanak-Kanak antara inisiatif yang dibuat KPWKM.

"Kita mengharapkan program yang akan menyusul nanti akan ada diterangkan mengenai tindakan atau aksi yang tidak dibenarkan atau tidak digalakkan dalam kalangan kanak-kanak atau sesiapa saja untuk melakukannya kepada kanak-kanak," katanya.

Muka depan Harian Metro, semalam mendedahkan terdapat pelaku sanggup berhabis wang membeli hadiah dan menunggu mangsa berusia bawah 13 tahun mencecah usia remaja untuk diajak melakukan hubungan seks atau berkongsi gambar serta video lucah.

Taktik yang dinamakan pengantunan seksual ini menjadi bertambah sukar dikesan dengan kebanjiran banyak aplikasi yang boleh diakses dengan mudah oleh kanak-kanak.



TAJUK : DALAM PROSES SEMAKAN KPWKM

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 19 SEPT 2023

M/SURAT : 11

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

AKTA KANAK-KANAK 2001

Dalam proses semakan KPWKM

Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) kini dalam proses semakan undang-undang berkaitan Akta Kanak-kanak 2001 untuk dibawa ke Parlimen pada masa depan.

Namun, tempoh masa muktamad untuk dibentangkan belum diketahui memandangkan ia masih di peringkat perincian.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, antara perkara yang diberi tumpuan di dalam semakan akta berkenaan ialah gangguan seksual membabitkan kanak-kanak dan hukuman yang dikenakan kepada pesalah.

Beliau berkata, perkara ini kerana ada pihak yang mendakwa hukuman diberi kepada si pesalah terlalu ringan dan tidak me-

nakutkan.

“Maka kita (KPWK) ingin perincikan hukuman daripada sudut hukuman gangguan seksual. Namun ia belum selesai lagi dan belum sedia untuk dibentangkan ke Parlimen,” katanya.

Menerusi program berkenaan, KPWK ingin mengalakkan kanak-kanak khususnya dan orang ramai melaporkan kes penderaan dan pengabaian menerusi Talian Kasih 15999 atau Whatsapp 019-2615999 atau mengunjungi Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah atau menghubungi balai polis berdekatan.


Menerusi data kes penganiayaan dan penderaan dikongsikan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), 6,144 kes dilapor pada 2021 dan meningkat kepada

6,770 kes pada 2022.

Mengulas mengenai perkara itu, Nancy berkata, dari Januari hingga Mei lalu, JKM mengendalikan 2,959 kes membabitkan penderaan dan pengabaian berbentuk penderaan fizikal, seksual dan emosi.

“Daripada jumlah itu, 326 kes berlaku di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL). WPKL mencatatkan negeri ketiga kes tertinggi selepas Selangor (647 kes) dan diikuti Sabah (333 kes).

“Justeru, Program Advokasi Kanak-Kanak ini antara usaha berterusan kementerian dalam mengerakkan semua anggota masyarakat agar bersama melindungi dan membina persekitaran selamat untuk kanak-kanak,” katanya.



TAJUK : EBIT DAH BUAT LAPORAN POLIS

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 19 SEPT 2023

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Redzuan
Muharam
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Pendakwah popular Ebit Liew yang didakwa berdiam diri tampil membuat laporan polis susulan fitnah melampau yang dilemparkan terhadapnya.

Menerusi hantaran di Instagram (IG) miliknya, Ebit atau nama sebenarnya Ebit Irawan Ibrahim Lew membuat laporan di Balai Polis USJ 8, Subang Jaya, Selangor untuk tindakan lanjut.

"Bismillah. Baru sampai dari Jeddah (Arab Saudi) 12 malam tadi (malam kelmarin) terus ke Balai Polis buat *report* (laporan) mengenai fitnah-fitnah melampau yang langsung tidak berasas ke atas saya.

"Saya serahkan pihak polis untuk mengambil tindakan. Saya juga menyerahkan kepada pihak peguam saya untuk tindakan selanjutnya," tulisnya.

Ebit Liew bagaimanapun tidak menyatakan butiran laporan dibuat secara terperinci dan hantarannya mengundang pelbagai reaksi daripada warganet.

"Diam itu lebih baik. Sangat takut zaman sekarang. Fitnah akhir zaman semakin ketara, itu bermakna kita dan akhirat pun semakin dekat," tulis pengguna IG, Tyraaa.

"Betul la orang cakap, baik berjuta kali pun kalau

DAKWA DIFITNAH MELAMPAU

Ebit dah buat laporan polis



EBIT Liew menunjukkan laporan polis yang dibuat di Balai Polis USJ 8, Subang Jaya.



Saya serahkan pihak polis untuk mengambil tindakan. Saya juga menyerahkan kepada pihak peguam saya untuk tindakan selanjutnya"

Ebit Liew


ada sedikit silap terus dipandang hina.

"Tunggu bukti kukuh dulu baru bincang," tulis seorang lagi pengguna IG, Shahzrin.

Baru-baru ini, kontroversi membabitkan Ebit Liew tercetus selepas seorang wanita bertatu membuat pendedahan menerusi *podcast* penyanyi rap sensasi, Caprice mengenai sikap sebenar pendakwah itu.

Pendedahan berani wanita berkenaan dipercayai menyebabkan ramai membuat andaian dan tuduhan terhadap Ebit Liew.

Video *podcast* berkenaan turut tular di laman sosial hingga meraih tontonan tinggi.



TAJUK : KHIDMAT BERPANDU LIMA TERAS UTAMA

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 19 SEPT 2023

M/SURAT : 11

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

JABATAN PEMBANGUNAN KANAK-KANAK

Putrajaya: Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak ditubuhkan berkuat kuasa 1 September lalu bagi menggantikan Bahagian Kanak-Kanak di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), kata Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri.

Beliau berkata, jabatan diumumkan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa pembentangan Belanjawan 2023 pada Februari lalu solusi terbaik dalam menangani segera isu pengabaian dan penderaan kanak-kanak yang semakin meruncing.

"Jabatan ini diyakini berupaya memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada rakyat khususnya kanak-kanak berlandaskan kepada lima teras utama iaitu pencegahan, pembangu-

Khidmat berpandu lima teras utama

nan, perlindungan, pemulihan dan pengintegrasian ke dalam masyarakat," katanya dalam kenyataan, semalam.

Susulan itu, katanya, jabatan itu sudah meluluskan 169 perjawatan kontrak daripada pelbagai skim perkhidmatan dan gred tahun ini bagi memastikan kecekapan dan perkhidmatan yang efektif serta profesional dapat diberikan demi kesejahteraan kanak-kanak di negara ini.

Selain itu, katanya, usaha untuk menggerakkan komuniti yang ditubuhkan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 iaitu Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak dan Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak serta pembantu pe-

lindung akan dipertingkatkan di semua 105 daerah.

Nancy turut meminta orang ramai untuk terus cakna dalam melindungi kanak-kanak dan melaporkan sebarang kes penderaan atau pengabaian kanak-kanak di Talian Kasih 15999 atau menerusi Whatsapp di talian 019-2615999 yang beroperasi 24 jam.

Anwar semasa membentangkan Belanjawan 2023 memaklumkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan mewujudkan Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak untuk memberikan perkhidmatan sokongan lebih komprehensif kepada kanak-kanak.



TAJUK : KPWKM CAKNA HAK KANAK-KANAK

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 19 SEPT 2023

M/SURAT : 10

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Hafiz Ithniam@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius isu kebajikan kanak-kanak terutama membabitkan gangguan seksual dan buli yang dilihat boleh memberi kesan negatif kepada mangsa pada jangka masa panjang.

Melihat kepada statistik kes penganayaan dan penderaan dikongsikan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kepada Harian Metro, pada 2021 sejumlah 6,144 kes dilaporkan dan meningkat kepada 6,770 kes pada 2022.

Dari Januari hingga Mei 2023, kementerian melalui JKJ sudah mengendalikannya sebanyak 2,959 kes membabitkan penderaan dan pengabaian kanak-kanak berbentuk penderaan fizikal, seksual, emosi dan pengabaian.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, Program Advokasi Kanak-Kanak Kasih Kanak-Kanak yang baharu diperkenalkan adalah bagi mempertingkatkan tanggungjawab orang ramai untuk melaporkan kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak kepada KPWKM.

Jelasnya, orang ramai termasuk kanak-kanak boleh melaporkan kes berkenaan menerusi Talian Kasih 15999 atau Whatsapp 019 261 5999 atau kunjungi mana-mana Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah yang berhampiran atau menghubungi mana-mana Balai Polis yang berdekatan.

"Terdapat kira-kira 9.2 juta kanak-kanak di seluruh negara. Peranan dalam memastikan kesejahteraan kanak-kanak bukanlah, dan tidak harus hanya dimainkan oleh pihak Kerajaan semata-mata, sama ada melalui KPWKM, JKJ, Kementerian Pendidikan Malaysia dan sebagainya.

"Semua pihak, sebagai individu mahupun secara komuniti, perlu bersama-sama cakna terhadap hak kanak-kanak. KPWKM amat berterima kasih kepada segelintir masyarakat yang telah memainkan peranan mereka bagi memaklumkan kes-kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak," katanya pada majlis pelancaran Program Advokasi Ka-



NANCY (tengah) beramah mesra bersama Ketua Pembimbing Rakan Sebaya (PRS), Muhammad Dini Raini Zulkarnain, IZ, ketika Majlis Perasmian Program Advokasi Kanak-Kanak: Kasih Kanak-Kanak di Sekolah Kebangsaan Seri Tasik, Bandar Sri Permaisuri, Kuala Lumpur. - Gambar NSTP/MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI

KPWKM cakna hak kanak-kanak

Program "Advokasi Kanak-Kanak: Kasih Kanak-Kanak" beri kesedaran untuk lapor kes dera, pengabaian kanak-kanak



NANCY menandatangani plak perasmian ketika Majlis Perasmian Program Advokasi Kanak-Kanak: Kasih Kanak-Kanak.

nak-Kanak: Kasih Kanak-Kanak (KPM) Fadhlina Sidek dan Timbalan Menteri, KPWKM, Aiman Athirah Sabu. Menerusi program perintis di SK Seri Tasik, Bandar Sri Permaisuri, Turut hadir, Menteri Pendidikan Malaysia

